

PKPK KENINGAU ***E-BULETIN***

APR - JUN 2024



PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN KAWASAN KENINGAU

ISI Kandungan

PENGENALAN

Perutusan Pegawai Pergigian Kawasan	1
Perutusan Pakar Pediatrik	2
Sidang Redaksi	3

LENSA PROGRAM PERGIGIAN

Lawatan Kerja Rasmi TPKNG Sabah	04
Lawatan Kerja EKSA PTJ Keningau ke KP Ranau	07
Sambutan Hari Thalasemia Sedunia	08
MyBrush Hour 2024	09
World Children's Day 2024	10
Program "Gigi Sihat, Hidup Sejahtera"	11
Proram Outreach	12
Aktiviti Promosi Klinik	15
Kursus dan Bengkel	17
Pertandingan Inovasi	20

KOLUM ILMU PERGIGIAN

Pertumbuhan Gigi Susu	22
Rawatan Pergigian di Rumah - Boleh atau Tidak?	24
Apakah Itu Pergigian Keperluan Khas	26
Sawan: Kesannya Terhadap Mulut	28
Keabnormalan Tisu Keras Pergigian di Kalangan Kanak-kanak	30
Lawatan Ke Klinik Pergigian Untuk Kanak-Kanak	31
Anak Yang Tidak Bekerjasama Untuk Rawatan Pergigian	33
Menghisap Ibu Jari	34
Penjagaan Mulut Kanak-kanak Bekeperluan Khas	36
Rawatan Pergigian Di Bawah Bius Am	38
Pengurusan Pembetulan Maloklusi: Ortodontik	
Interseptif/Pintasan	40

Getinta Azimat



Salam sejahtera kepada pembaca yang dihormati,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan editorial atas penerbitan e-buletin ini. Sebagai penasihat, saya berasa amat bangga dengan dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan dalam memastikan setiap edisi e-buletin ini mengandungi maklumat yang terkini dan relevan dalam bidang pergigian.

E-buletin ini merupakan platform yang sangat penting untuk berkongsi pengetahuan, dan kajian dalam bidang pergigian. Melalui penerbitan ini, kami berharap dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan mulut dan menyediakan informasi yang berguna kepada masyarakat umum.

Saya ingin menyeru kepada semua pembaca untuk memanfaatkan sepenuhnya maklumat yang terkandung dalam e-buletin ini. Jadikanlah ia sebagai sumber rujukan dan panduan dalam amalan harian anda, serta kongsi pengetahuan ini dengan rakan-rakan dan komuniti anda. Dengan kerjasama dan usaha bersama, kita dapat meningkatkan tahap kesihatan mulut di kalangan masyarakat dan menyumbang kepada kesejahteraan umum.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua yang terlibat dalam penerbitan e-buletin ini. Semoga usaha murni kita mendapat keberkatan dan terus memberi manfaat kepada semua. Teruskan sokongan anda terhadap e-buletin ini dan bersama-sama kita maju ke hadapan dalam bidang pergigian.

Sekian, terima kasih.

DR JUDITH LINUS LOJIKIP

PEGAWAI PERGIGIAN KAWASAN

PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN KAWASAN KENINGAU



Salam Sejahtera

Dengan segala hormatnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak editorial atas peluang untuk menyumbang kepada e-buletin ini sebagai penyemak dan penulis jemputan. Buletin ini bukan sahaja menjadi platform penting untuk berkongsi pengetahuan dan informasi, tetapi juga sebagai medium untuk merangsang pemikiran dan perbincangan di kalangan pembaca.

Pergigian pediatrik dan keperluan khas merupakan bidang yang sangat penting dalam kesihatan pergigian. Ia merangkumi penjagaan kesihatan mulut kanak-kanak dari lahir hingga remaja, serta individu dengan keperluan khas yang memerlukan perhatian dan pendekatan khusus.

Kanak-kanak dan individu dengan keperluan khas sering kali memerlukan pendekatan yang berbeza berbanding dengan pesakit dewasa. Ini termasuk pendekatan psikologi yang tepat untuk mengurangkan kebimbangan dan ketakutan mereka terhadap rawatan pergigian. Penjagaan yang teliti dan berterusan diperlukan untuk memastikan kesihatan mulut mereka berada pada tahap optimum, serta untuk mencegah dan merawat sebarang masalah pergigian yang mungkin timbul.

Selain itu, pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan mulut sejak usia muda adalah amat penting. Dengan kerjasama antara ibu bapa, penjaga, dan profesional pergigian, kita dapat memastikan bahawa anak-anak dan individu dengan keperluan khas mendapat rawatan yang terbaik.

Kami berharap melalui penerbitan ini, kita dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang pergigian pediatrik dan keperluan khas, serta menggalakkan lebih ramai profesional pergigian untuk menceburi bidang ini yang amat mencabar tetapi sangat berharga.

Salam hormat,

DR. MENAKA DEVI A/P RATNASINGAM

PAKAR PERGIGIAN UG54

JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK

HOSPITAL KENINGAU

Salam Sejahtera buat semua pembaca setia eBuletin Pergigian.

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua sidang redaksi dan pengarang artikel atas penghasilan naskhah yang penuh dengan info-info pergigian serta merakamkan aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan ini.

Pelbagai aktiviti dan program sepanjang bulan April hingga Jun 2024. Antara yang paling menarik adalah

"My Brush Hour" yang diraikan di seluruh Malaysia.

Seperti yang sedia maklum, pemeriksaan mulut dan gigi amatlah penting tidak kira kanak-kanak, orang dewasa hinggalah warga emas. Semua golongan masyarakat amatlah digalakkan untuk datang ke klinik pergigian secara berkala untuk membuat pemeriksaan serta mengetahui tahap kesihatan mulut dan gigi terkini.

Diharapkan dengan penerbitan naskhah ini, para pembaca dapat menambah ilmu mengenai kesihatan pergigian.

Sehingga berjumpa lagi di Edisi seterusnya.

Selamat Membaca!

DITERBITKAN OLEH:

Pejabat Kesihatan Pergigian
Kawasan Keningau, Jalan
Hospital Lama, 89008 Keningau,
Sabah, Malaysia

EMEL:

ppk.keningau@moh.gov.my

PENASIHAT

DR JUDITH LINUS LOJIKIP

(Pegawai Pergigian Kawasan Keningau)

KETUA eBULETIN

DR AUDREY GEORGE

KETUA EDITOR

DR EMILY TAN HUI-PING

EDITOR DAN PEREKA GRAFIK

DR HAZELL LOVENNEY JAHIRIN

EDITOR DAN PROGRAM AKTIVITI PTJ

DR SITI NURUL AFIQAH BINTI MAHIAN

JKP FELICIA FUNG HUI SHIA

PROOFREADER

DR MENAKA DEVI A/P RATNASINGAM

(Pakar Pergigian Pediatrik, Hospital Keningau)

PENULIS ARTIKEL PERGIGIAN



Dr Woon Wei Xuen



Dr Nur Hanim Binti
Abdul Halim



Dr Hazell Lovenney
Jahirin



Dr Asilah Nur-
Athirah Binti Harisin



Dr Siti Nurul Afiqah
Binti Mahian



Dr Sascha Audra
Ng Bansing



Dr Yem Pui Kei



Dr Emily Tan Hui-Ping



Dr Nur Shaheerah
Binti Rasamin



Dr Mimiellian Hee



Dr Fatini Binti
Abdul Rahman

22 APRIL
2024

LAWATAN KERJA RASMI

TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PERGIGIAN) SABAH KE KAWASAN KENINGAU

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Sabah (Pergigian), YBrs. Dr. Thaddius Herman Maling telah sudi meluangkan masa untuk melawat beberapa fasiliti pergigian di Kawasan Keningau. Turut bersama-sama YBrs. Dr. Thaddius Herman Anak Maling adalah:

Rombongan Pejabat TPKNG

- **Dr. Zainatunomri Binti Omar**
(Ketua Penolong Pengarah Kanan (Cawangan Amalan & Perkembangan))
- **Matron Lucy Palisa**
Penyelia Juruterapi Pergigian Negeri

Rombongan Pejabat Kesihatan Pergigian Kawasan Keningau

- **Dr Judith Linus Lojikip**
Pegawai Pergigian Kawasan Keningau
- **Dr Erlyna Endot**
Pegawai Pergigian
- **Matron Loihin Gadul**
Penyelia Juruterapi Pergigian Kawasan Keningau

Antara lokasi yang dilawat adalah :

- Klinik Pergigian Tambunan
- KPS SJK(C) Yuk Yin Keningau
- Klinik Pergigian Tenom
- Klinik Pergigian UTC Keningau

Lawatan kerja rasmi Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Sabah (Pergigian), Dr Thaddius Herman Maling selama dua hari ini dimulakan dengan melawati Klinik Pergigian Tambunan untuk melihat perkhidmatan pergigian yang diberikan oleh anggota kerja Klinik Pergigian Tambunan.

Pada sebelah petang pula, lawatan kerja diteruskan di Klinik Pergigian Sekolah SJKC Yuk Yin. Klinik Pergigian Sekolah ini menyediakan Program Kumuran Flourida dan juga Program Pemasyarakatan Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah. Ybbs. Dr Thaddius Herman Maling juga sempat untuk beramah mesra dengan Guru Besar SJKC Yuk Yin dan Wakil Persatuan Ibu Bapa SJKC Yuk Yin dan melawat klinik pergigian sekolah yang baru di SJKC Yuk Yin.



LAWATAN KERJA RASMI

TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PERGIGIAN) SABAH KE KAWASAN KENINGAU

23 APRIL
2024

Semasa lawatan ini, Dr. Ian Lee-Suikye selaku PPYM Klinik Pergigian Tambunan dan Dr. Audrey George selaku PPYM Klinik Pergigian Tenom telah membentangkan pengenalan, perkhidmatan pergigian, program promosi kesihatan pergigian, pencapaian prestasi serta membincangkan isu-isu yang berbangkit dalam klinik masing-masing.



Semoga lawatan yang penuh makna ini dapat meningkatkan motivasi kakitangan pergigian kawasan Keningau untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik secara konsisten serta dapat sedikit sebanyak membantu menyelesaikan beberapa isu yang telah diutarakan.

23 APRIL 2024



BILIK MESYUARAT
UTC KENINGAU



SESI INTERAKTIF
BERSAMA TPKNG dan
KAKITANGAN PERGIGIAN
KENINGAU





LAWATAN KERJA EKSA PTJ KENINGAU KE KLINIK PERGIGIAN RANAU

Pada 27 Mei yang lalu, PTJ Keningau telah mengadakan lawatan kerja Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Klinik Pergigian Ranau yang disertai oleh 19 orang anggota wakil dari semua klinik pergigian dalam kawasan Keningau.

Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan dan mendalami konsep dan pelaksanaan EKSA agar dapat dipraktikkan di fasiliti masing-masing. Klinik Pergigian Ranau merupakan satu-satunya klinik pergigian di Sabah yang mendapat pensijilan EKSA dan menjadi penanda aras kepada Jabatan Pergigian Negeri Sabah.

Terima kasih kepada PPYM Klinik Pergigian Ranau Dr Salwatul Helwah, Penyelaras EKSA KP Ranau Dr Thangamalar Thanaraja di atas taklimat perlaksanaan EKSA dan Lawatan ke lokasi EKSA.



SAMBUTAN HARI THALASSEMIA SEDUNIA

Disediakan oleh:
Dr. Nur Hanim Binti Abdul Halim

18 MEI 2024 | WORLD THALASSEMIA DAY



KLINIK PERGIGIAN KENINGAU

Pada 18 Mei 2024, Klinik Pergigian Keningau telah menyertai Sambutan Hari Thalasemia Sedunia peringkat Kawasan Keningau yang diadakan di perkarangan Keningau Mall anjuran Pejabat Kesihatan Kawasan Keningau.

Terdapat pelbagai aktiviti yang disediakan oleh Klinik Pergigian Keningau termasuklah pameran pergigian serta nasihat pergigian individu.



Pegawai Kesihatan Kawasan Keningau, Dr. Valentine @ Japulee Gantul, Pengarah Hospital Keningau, Dr. Ridwan bin Hashim, En. Inchek Anam, Penolong Pegawai Daerah Keningau serta En. Rezod Ijing, Pengerusi Persatuan Talasemia Keningau berkesempatan melawat ke pameran pergigian Klinik Pergigian Keningau.

Selain itu, Unduk Ngadau Keningau, Tati Monicka Majin juga turut serta melawat pameran pergigian yang disediakan serta beramah mesra bersama para peserta yang lain.





JOM!

SERTAI KAMI MEMBERUS GIGI BERAMAI-RAMAI

🎵 "Bangun pagi, gosok gigi,
cuci muka, pakai baju,
makan roti, minum susu,
pergi sekolah, senang hati." 🎵



Telah berlangsung Program MyBrushHour bersempena dengan World Oral Health Day (WOHD) di seluruh negeri Sabah. Fenomena memberus gigi ini disertai oleh klinik pergigian di seluruh negeri Sabah dan telah diadakan selama satu jam bermula jam 9 pagi sehingga 10 pagi.

Klinik-klinik pergigian di Pejabat Kesihatan Pergigian Kawasan Keningau juga tidak ketinggalan untuk turut serta memeriahkan program #MyBrushHour dengan harapan dapat memberikan peringatan dan meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan penjagaan kesihatan oral melalui cara memberus gigi yang betul.

Beberapa program telah diatur dan dijalankan di setiap klinik pergigian seperti program ceramah kesihatan pergigian, Latihan Memberus Gigi (LMG), tayangan multimedia berkaitan kesihatan pergigian, dan dental games untuk kanak-kanak turut diadakan.



mybrushhour
#2minit2Xsehari
KLINIK PERGIGIAN TENGAH



mybrushhour
#2minit2Xsehari

WORLD CHILDREN'S DAY 2024



DENT A VENGERS



"Our Young Warrior Must Be Taught As Early As Possible"

Program Dent Avengers dan Gerakan Membaca bersempena Hari Kanak-kanak Sedunia telah diadakan dengan kerjasama antara Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Tenom dan Klinik Pergigian Tenom pada 15 Jun yang lalu.

Sambutan yang menggalakkan daripada kanak-kanak dan ibubapa yang mengunjungi perpustakaan pada hari tersebut telah menjayakan semua aktiviti menarik yang dirancang. Kesemua aktiviti yang diadakan adalah berkaitan dengan ilmu pengetahuan yang wajib diketahui berkaitan penjagaan kesihatan mulut bagi kanak-kanak ibubapa mereka sendiri.

Aktiviti Menarik

Role Play

Dental Art Attack

Dental Pictionary

Dia cerita apa tadi?

Padan & Warnakan Gambar

Latihan Memberus Gigi Berirama

Pemeriksaan Gigi



MEI 18
2024

Disediakan oleh:

Dr. Nur Hanim Binti Abdul Halim

PROGRAM

“Gigi Sihat, Hidup Sejahtera”

Kali ini, Klinik Pergigian Tenom telah memilih Kg Kalibatang Lama sebagai lokasi program “Gigi Sihat, Hidup Sejahtera”.
Sungguh tidak disangka, hampir keseluruhan warga kampung turun memeriahkan program.

Sungguh hebat penduduk Kg Kalibatang Lama!

Apa yang lebih menarik adalah sambutan penduduk untuk mendapatkan rawatan asas pergigian seperti tampalan dan penskaleran dalam Bas Pergigian Bergerak yang dibawa khas dari PTJ Kota Kinabalu.

Aktiviti yang dijalankan:

- Ceramah Kesihatan Pergigian
- Pemeriksaan dan Rawatan Asas Pergigian
- Latihan Memberus Gigi
- Pertandingan Mewarna
- Pameran Pergigian
- Kuiz Pergigian

Diharapkan program seperti ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dan diperluaskan ke kampung-kampung lain pula. Semoga dengan program seperti ini dapat meningkatkan lagi kesedaran penduduk terhadap kepentingan menjaga kesihatan pergigian sepanjang hayat dan mengeratkan hubungan antara klinik dengan penduduk sekitar Tenom.



SEBAR KASIH 2024

OUTREACH

**KESUKARAN
AKSESIBILITI
TIDAK
MENGHALANG
SEMANGAT
PASUKAN**



**MEDICAL AND DENTAL
CAMP TO RURAL AREA**

20 - 21 APRIL 2024

KG LAYON

PENSIANGAN

PROGRAM SEBAR KASIH

Pada 20 dan 21 April yang lalu, Majlis Datuk-Datuk Negeri Sabah bersama pasukan Sabah Four Wheels Drive Association (SFWDA), Assunta Integrated Social Services (ASSISS), Klinik Kesihatan Nabawan, Klinik Pergigian Keningau, Klinik Pergigian Tenom, dan PKK Keningau telah melaksanakan Program Sebar Kasih di SK Layon, Pensiangan.

Program ini adalah bertujuan meraikan penduduk Kampung Layon dan kampung sekitar seperti Kampung Nangkawangan dan Kampung Ponontomon. Pasukan telah diketuai oleh Datuk Dr Christina Rundi. Pelbagai sumbangan dan bakul makanan telah diserahkan kepada warga kampung yang berkaitan.

Pasukan Sebar kasih telah berkonvoi dari Klinik Kesihatan Keningau dan berkumpul di Pekan Nabawan sebelum laluan lori balak untuk sampai ke destinasi. Sebanyak 19 buah kenderaan pacuan empat roda telah menyertai ekspidisi ini.



 **SK LAYON,
PENSIANGAN**



20-21 Apr 2024

Disediakan oleh:
Dr Nur Hanim Binti Abdul Halim

PROGRAM OUTREACH

SEMPENA PROGRAM MISI PERUBATAN PERSATUAN SABAH METHODIST CRISI RELIEF & DEVELOPMENT

Persatuan Sabah Methodist Crisi Relief & Development telah menganjurkan satu program outreach berkolaborasi dengan Klinik Pergigian Nabawan dan Klinik Pergigian Keningau.

Sebanyak seorang staff dari Klinik Pergigian Nabawan dan seorang pegawai pergigian dari Klinik Pergigian Keningau telah menyertai program ini.

Program telah diadakan pada 7-9 Jun 2024 bertempat di Kg Sibangali, Pensiangan.

Selain daripada pemeriksaan pergigian, nasihat pergigian individu dan saringan kanser mulut turut dijalankan.



Klinik Pergigian Sook



Klinik Pergigian Sook telah menjalankan ceramah dan pameran pergigian bersempena World Oral Health Day yang telah diadakan di ruang menunggu Klinik Pergigian Sook.

Pameran pergigian telah diadakan bersempena Sambutan Kaamatan peringkat Daerah Kecil Sook yang bertempat di Dewan Masyarakat Sook.

Klinik Pergigian Mesra Promosi Nabawan

Satu kempen kesihatan pergigian : Kempen Pemeriksaan Gigi Sekurang-kurangnya Sekali Setahun (PEPSIS) telah diadakan sepanjang bulan Mei di Klinik Pergigian Nabawan.

Ceramah Kesihatan Pergigian disampaikan oleh Dr Nurul Ezzaty.

Antara aktiviti yang dilakukan adalah pameran pergigian, ceramah pergigian dan kuiz permainan.



Antara peserta cilik yang mengikuti kuiz permainan pergigian dan pertandingan mewarna.

WORLD NO TOBACCO DAY 2024



WORLD NO TOBACCO DAY 2024

Tahukan anda, anda boleh pergi ke Klinik Berhenti Merokok yang disediakan oleh Kerajaan jika anda berazam untuk berhenti merokok?

Bersempena World No Tobacco Day, Klinik Pergigian Tenom dengan kerjasama Klinik Berhenti Merokok, Klinik Kesihatan kemabong telah mengadakan sesi ceramah di ruang menunggu di Klinik Pergigian Tenom.

Sesi ini tidak lain tidak bukan adalah untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat tentang peningkatan risiko terhadap penyakit-penyakit kronik termasuklah kanser akibat tabiat merokok.

23 MEI 2024



MALAYSIA MADANI



KLINIK PERGIGIAN TENOM
PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN
KAWASAN KENINGAU

PENCERAMAH JEMPUTAN

Dr Justina Joseph
(Pegawai Perubatan, Klinik Kesihatan Kemabong)

Dr Nurul Atiqah Ithnin
(Pegawai Pergigian, Klinik Pergigian Tenom)

AKTIVITI

- Ceramah Kesihatan Pergigian
- Pameran Pergigian
- Kahoot Quiz



WORLD NO TOBACCO DAY 2024



23 MEI 2024



MALAYSIA MADANI



KLINIK PERGIGIAN TENOM
PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN
KAWASAN KENINGAU

Kursus Kepimpinan MyChampion Peringkat Pejabat Kesihatan Kawasan Keningau Tahun 2024

Tarikh: 15 Mei 2024

Tempat: Bilik Mesyuarat Klinik Kesihatan Keningau

Kursus Kepimpinan MyCHAMPION dalam kalangan penyelarar sukarelawan COMBI, KOSPEN, Panel Penasihat Klinik Kesihatan (PPKK), Ikon Gigi dan Kenali Ubat Anda dari Pejabat Kesihatan Kawasan Keningau dan Pejabat Kesihatan Pergigian Kawasan Keningau. Dr. Valentine @ Japulee Gantul selaku Pegawai Kesihatan Kawasan Keningau turut hadir menyampaikan amanat kepada peserta sebelum kursus bermula.

Kursus Latihan Ergonomik

Tarikh: 16 Mei 2024

Tempat: Bilik Mesyuarat UTC Keningau

Kursus anjuran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pergigian (JKKP) Pejabat Kesihatan Pergigian Kawasan Keningau dengan objektif untuk dapat mengekalkan kesihatan dan kecerdasan ketika bekerja khususnya dalam kerja yang melibatkan pergerakan dan kekuatan badan.



Kursus Basic Life Support (BLS)

Tarikh: 28-29 Mei 2024

Tempat: Bilik Taklimat, Hospital Tenom

Tarikh: 11 Jun 2024

Tempat: Bilik Mesyuarat, Klinik Kesihatan Keningau



BENGKEL PENGUKUHAN

PROGRAM KESIHATAN ORAL TANPA AMALAN MEROKOK (KOTAK)

Pejabat Kesihatan Pergigian
Kawasan Keningau telah
menganjurkan sebuah bengkel
pengukuhan bertajuk Program
Kesihatan Oral Tanpa Amalan
Merokok (KOTAK)

Penglibatan peserta adalah
terdiri daripada kakitangan klinik
pergigian dibawah PKPK Keningau
berserta bahagian kepakaran
pergigian di Hospital Keningau
(Jabatan Bedah Mulut &
Maksilofasial dan Jabatan
Pergigian Pediatrik)

Bengkel ini telah berlangsung
pada 28 Mei 2024 yang bertempat
di Bilik Serbaguna, Klinik
Pergigian Keningau.

Program ini adalah sangat
penting bagi memastikan amalan
merokok ini dapat dibanteras dari
peringkat awal lagi.

**SAY NO TO TOBACCO,
YES TO HEALTH!**

OOOO



Congratulations!

Congratulations!

Congratulations!



EXPLORANCE & SENAMTARI

DSA Henizleezah waslee



WORLD
ACTIVITY
PHYSICAL DAY
2024

Dr Northaliza

TAHNIAH!

Dr Northaliza Binti Mohammed Yusoff menang tempat ke-3 cabaran bookdoc 100,000 langkah sempena sambutan "World Activity Physical Day" tahun 2024 peringkat bahagian keningau

TAHNIAH!

DSA Henizleezah Waslee Johan Pertandingan senam tari dan Naib Johan Petandingan Explorance



TAHNIAH!

Tahniah kepada pasukan Futsal Pergigian Sabah di atas kemenangan mendapat tempat pertama di Kejuhanan Futsal Pergigian Malaysia 2024 Edisi ke-5 di Legend Futsal Indera Mahkota pada 8 Jun 2024!

JOHAN - Kategori Futsal Pergigian Wanita

Tempat ke-3 - Kategori Futsal Pergigian Lelaki



Pertandingan INOVASI

Pada 7 Jun 2024, Unit Inovasi Pejabat Kesihatan Pergigian Kawasan Keningau telah mengadakan sebuah pertandingan inovasi yang telah disertai oleh semua klinik pergigian dibawah PTJ Keningau.

Sebanyak 11 kumpulan yang bertanding mencipta projek tempat penyimpanan *sharp bin* atau *portable suction*.

Malah, terdapat juga penyertaan dari kumpulan Pasukan Pergigian Bergerak (PPB) sekolah rendah.

Kesemua penyertaan telah mencipta inovasi yang kreatif dan kritis, semestinya menyukarkan pihak juri untuk menentukan pemenang.



TAHNAH KP TAMBUNAN!
TERPILIH MEWAKILI SABAH
UNTUK KE
INOVASI KEBANGSAAN

MPKP KEMBALI LAGI

JOM SERTAI PERTANDINGAN PERGIGIAN SEMPENA DENGAN MINGGU
PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN YANG AKAN BERLANSUNG PADA
JULAI 2024

SCAN QR CODE PADA POSTER PERTANDINGAN UNTUK
MENGETAHUI INFO LANJUT

 MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN 2024

PERTANDINGAN
"BEST SMILE" SELFIE



TEMA:
1,2,3 SENYUM...
JAGA GIGI SENYUMAN ABADI

- TERBUKA KEPADA SEMUA WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 13 TAHUN KE ATAS
- MEMPUYAI AKAUN FACEBOOK SENDIRI

TEMPOH PERTANDINGAN:
18 JUN 2024 – 18 JULAI 2024



SATU PEMENANG AKAN DIPILIH MENERIMA HADIAH
SETIAP PENYERTAAN AKAN MENDAPAT E-SULJ MELALUI EMEL YANG DIBERIKAN

- Imbas kod QR di atas untuk mengisi borang penyertaan dan penghantaran selfie.
- Terma dan syarat pertandingan disertakan di dalam kod QR.

 Pejabat Pergigian Kawasan Keningau • Klinik Pergigian Keningau
Klinik Pergigian Tambunan • Klinik Pergigian Nabawan • Klinik Pergigian Tenom

 MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN 2024

PERTANDINGAN
MEWARNA



TERBUKA KEPADA SEMUA KANAK-KANAK DI KAWASAN KENINGAU, SABAH!

2 KATEGORI
TAHAP 1: 9 TAHUN DAN KE BAWAH
TAHAP 2: 10-12 TAHUN

TEMPOH PERTANDINGAN:
18 JUN 2024 – 12 JULAI 2024

TEMPOH PAPARAN KARYA DI FACEBOOK PAGE
PEJABAT PERGIGIAN KAWASAN KENINGAU:
15 JULAI 2024 – 18 JULAI 2024



SATU PEMENANG DARI SETIAP KATEGORI AKAN MENERIMA HADIAH
SETIAP PENYERTAAN AKAN MENDAPAT E-SULJ MELALUI EMEL YANG DIBERIKAN

- Imbas kod QR di atas untuk mengisi borang penyertaan dan muat naik karya anda
- Terma dan syarat pertandingan disertakan di dalam kod QR.

 Pejabat Pergigian Kawasan Keningau • Klinik Pergigian Keningau
Klinik Pergigian Tambunan • Klinik Pergigian Nabawan • Klinik Pergigian Tenom

 MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN 2024

PERTANDINGAN
BERCERITA



(BENTUK VIDEO)

TERBUKA KEPADA SEMUA MURID SEKOLAH RENDAH!

KATEGORI BESERTA TAJUK YANG DITETAPKAN:
7-9 TAHUN: "PENGALAMAN SAYA BERJUMPA DOKTOR GIGI"
10-12 TAHUN: "USAHA SAYA UNTUKKU MENDAPAT GIGI YANG CANTIK"

TEMPOH PERTANDINGAN:
18 JUN 2024 – 12 JULAI 2024




SATU PEMENANG DARI SETIAP KATEGORI AKAN MENERIMA HADIAH
SETIAP PENYERTAAN AKAN MENDAPAT E-SULJ MELALUI EMEL YANG DIBERIKAN

- Imbas kod QR di atas untuk mengisi borang penyertaan dan penghantaran video.
- Terma dan syarat pertandingan disertakan di dalam kod QR.

 Pejabat Pergigian Kawasan Keningau • Klinik Pergigian Keningau
Klinik Pergigian Tambunan • Klinik Pergigian Nabawan • Klinik Pergigian Tenom

SCAN ME



PERTUMBUHAN GIGI SUSU



Oleh Dr Siti Nurul Afiqah Binti Mahian, Dr Fatini Binti Rahman, Dr Woon Wei Xuen,
Dr Asilah Nur-Athirah Binti Harisin

DEFINISI



Proses gigi tumbuh dalam mulut bayi atau kanak-kanak. Kebiasaannya akan menimbulkan rasa tidak selesa dan sakit.



TANDA - TANDA

Dalam proses pertumbuhan gigi, anak anda mungkin mengalami:


1. Menangis kerana tidak selesa
2. Suka menggigit atau mengunyah
3. Melelehkan air liur
4. Demam (suhu badan meningkat sedikit)
5. Hilang selera makan




CARA - CARA

Antara cara yang boleh dilakukan untuk mengurangkan ketidakselesaan sepanjang pertumbuhan gigi :

- 1) menggunakan bahan yang keras, bersih dan selamat untuk digigit seperti gelang gigitan
- 2) memberikan ubat penahan sakit jika perlu



PERTUMBUHAN GIGI SUSU



51, 61, 71, 81 :

Gigi kacip pertama

52, 62, 72, 82 :

Gigi kacip kedua

53, 63, 73, 83 :

Gigi taring

54, 64, 74, 84 :

Gigi geraham pertama

55, 65, 75, 85 :

Gigi geraham kedua

R A H A N G A T A S	Gigi kacip pertama	8-12 bulan
	Gigi kacip kedua	9-13 bulan
	Gigi taring	16-22 bulan
	Gigi geraham pertama	13-19 bulan
	Gigi geraham kedua	25-33 bulan

R A H A N G B A W A H	Gigi kacip pertama	6-10 bulan
	Gigi kacip kedua	10-16 bulan
	Gigi taring	17-23 bulan
	Gigi geraham pertama	14-18 bulan
	Gigi geraham kedua	23-31 bulan

RAWATAN PERGIGIAN DI RUMAH-BOLEH ATAU TIDAK?

Oleh Dr Siti Nurul Afiqah Binti Mahian, Dr Fatini Binti Rahman, Dr Woon Wei Xuen,
Dr Asilah Nur-Athirah Binti Harisin

Sesetengah orang TIDAK boleh mendapatkan akses kepada rawatan pergigian secara biasa di klinik pergigian.



Kenapa rawatan pergigian perlu dilakukan di rumah?

Isu berkaitan mobiliti (pergerakan)



Isu berkaitan pengangkutan



Komunikasi mungkin mustahil atau sukar



Fobia rawatan pergigian



Isu melibatkan penjaga/ahli keluarga



Uzur

Kemerosotan kognitif



Masalah tingkah laku

Siapakah yang layak?

- Orang dewasa yang mempunyai kelainan upaya fizikal atau intelektual
- Masalah psikiatri dan psikologi
- Penyakit terminal seperti kanser
- Pesakit memerlukan rawatan paliatif dan di rumah penjagaan khas



Sumber: myhealth.moh.gov.my

BAGAIMANA PERKHIDMATAN INI DIJALANKAN?

SEBELUM LAWATAN KE RUMAH


- Dapatkan maklumat jika perkhidmatan pergigian di rumah ada di kawasan anda.
- Mesti dirujuk oleh doktor perubatan atau profesional kesihatan pergigian.
- Apabila rujukan diterima, pesakit/penjaga akan dihubungi terlebih dahulu untuk mengatur masa yang sesuai untuk lawatan diadakan.

SEMASA LAWATAN KE RUMAH

- Lawatan pertama melibatkan pemeriksaan pesakit dengan mengambil kira masalah perubatan dan rawatan pergigian yang diperlukan.
- Pasukan pergigian mestilah menunjukkan kad pengenalan penjawat awam semasa lawatan diadakan.
- Kebenaran menjalankan rawatan secara bertulis mesti diperolehi daripada pesakit atau seseorang yang layak secara undang-undang untuk memberikan kebenaran bertulis bagi pihak pesakit.
- Penjagaan kesihatan pergigian secara berkala mengikut keperluan.

INFO YANG PERLU DIBINCANGKAN

- Perbincangan antara pesakit/penjaga ahli keluarga dan pasukan pergigian sebelum lawatan melibatkan kemudahan tempat letak kenderaan, **akses yang mudah untuk peralatan mudah-alih**, air dan elektrik, persekitaran yang bersih dan bilik yang tertutup untuk privasi.
- Pesakit/penjaga/ahli keluarga hendaklah menyatakan **sejarah masalah kesihatan**, rekod kesihatan dan senarai **ubat-ubatan pesakit**.
- **Cara pembayaran dan kos** yang terlibat hendaklah dibincangkan kerana perkhidmatan ini tidak diberikan secara percuma kecuali kepada mereka yang layak (seperti: pemegang kad orang kelainan upaya Jabatan Kebajikan Masyarakat atau surat jaminan kerajaan untuk kakitangan awam/pesara).
- Penjaga dan pesakit harus diberitahu mengenai **risiko mendapatkan rawatan di luar klinik pergigian** dan memastikan keselamatan semua yang terlibat terjamin sepanjang masa.



APAKAH ITU PERGIGIAN KEPERLUAN KHAS?

Oleh Dr Siti Nurul Afiqah Binti Mahian, Dr Fatini Binti Rahman, Dr Woon Wei Xuen,
Dr Asilah Nur-Athirah Binti Harisin



Pergigian Keperluan Khas adalah perkhidmatan pergigian yang masih baru di Malaysia. Ia mula diberikan kepada masyarakat umum oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2011. Perkhidmatan ini melibatkan pengendalian kesihatan mulut bagi golongan yang mempunyai kelainan upaya di peringkat sederhana sehinggalah yang teruk. Laporan-laporan yang diperolehi di peringkat global menunjukkan golongan kelainan upaya mempunyai tahap kesihatan mulut yang teruk dan tidak terjaga disebabkan oleh pelbagai faktor. Tahap kesihatan mulut mereka dipengaruhi oleh banyak faktor samada faktor tunggal atau kombinasi beberapa faktor penyebab. Antara contoh faktor-faktor tersebut ialah ketidakupayaan untuk melakukan penjagaan mulut, kesan langsung dan tidak langsung (terhadap keadaan mulut) penyakit kronik dan ubat-ubatan yang diambil untuk merawat penyakit tersebut.

Penjagaan orang kelainan upaya merupakan satu cabaran kepada penjaga dan juga doktor gigi yang merawat mereka. Oleh itu, golongan yang rentan ini memerlukan penjagaan kesihatan mulut yang khusus di rumah mahupun di peringkat professional.

Biasanya, rawatan pergigian bagi golongan kelainan upaya ini boleh diberikan oleh mana-mana doktor gigi. Walaubagaimanapun, sebahagian daripada mereka mungkin mendapat lebih manfaat sekiranya mendapat rawatan di fasiliti pakar pergigian. Perkhidmatan Pergigian Keperluan Khas disediakan oleh pakar pergigian yang telah dilatih dengan baik dari segi pengendalian kelakuan pesakit yang mencabar, pesakit yang mempunyai masalah perubatan yang kompleks dan pesakit yang mempunyai masalah pemahaman dan pertumbuhan. Sikap empati adalah elemen utama yang ditonjolkan dalam perkhidmatan pergigian keperluan khas supaya pesakit berasa selesa dan kurang berasa takut semasa rawatan pergigian dijalankan.



Siapakah yang boleh mendapatkan rawatan di Unit Pergigian Keperluan Khas?

Ketidakupayaan intelektual atau pertumbuhan pada tahap sederhana atau teruk.

Contoh : Down's Syndrome, Autism Spectrum Disorder, Global Developmental Delay




Ketidakupayaan fizikal yang menghadkan pergerakan harian.

Contoh : Cerebral Palsy, lumpuh disebabkan angin ahmar atau trauma

Masalah perubatan yang kompleks dan pelbagai

Contoh : Masalah berkaitan perdarahan, warga emas yang menghidap pelbagai penyakit, individu yang menjalankan radioterapi di bahagian kepala dan leher.



Ketidakupayaan dari segi psikiatri dan psikologi yang memberi impak kepada kesihatan mulut.

Contoh : Kemurungan yang teruk, kebimbangan/ fobia terhadap rawatan pergigian

Mereka yang memerlukan rawatan pergigian di bawah sedasi inhalasi, sedasi oral dan bius umum.




1) Pemeriksaan pergigian



2) Perkhidmatan penskaleran



3) Rawatan tampalan



4) Rawatan kanal akar



6) Pembuatan gigi palsu




5) Cabutan gigi



Perkhidmatan yang disediakan di Unit Pergigian Keperluan Khas

SAWAN: Kesannya Terhadap Kesihatan Mulut

Oleh Dr Siti Nurul Afiqah Binti Mahian,
Dr Fatini Binti Rahman, Dr Woon Wei Xuen,
Dr Asilah Nur-Athirah Binti Harisin



Bagaimana sawan boleh memberi kesan kepada gigi saya?

1. Masalah perubatan yang dialami boleh menyebabkan anda berisiko tinggi untuk mendapat masalah pergigian dan menjadikan rawatan pergigian bertambah kompleks
2. Ubat yang diambil untuk merawat sawan selalunya mendatangkan kesan sampingan terhadap gigi dan struktur mulut anda.



Apa Itu Sawan?

Sawan berlaku apabila terjadi aktiviti elektrik yang tidak normal di dalam otak. Semasa serangan, seseorang pada mulanya tidak sedarkan diri dan mengalami kekejangan, diikuti dengan fasa 'clonic' atau pengenduran otot dimana semua otot akan menjadi kendur dan pergerakan menjadi tidak terkawal. Ini boleh menyebabkan kecederaan kepada kepala, tangan dan kaki individu yang terbabit. Pembuangan air kecil dan besar yang tidak terkawal juga mungkin dialami. Seterusnya, individu itu akan mengalami kekeliruan, mengantuk dan keletihan. Semua ini berlaku dalam jangkamasa satu sehingga dua minit. Sawan juga dikenali sebagai **epilepsi**.

Antara contoh masalah mulut yang dialami oleh penghidap sawan:

Mulut kering


Gusi bengkak disebabkan ubat anti-sawan (phenytoin)



Ulser mulut



Risiko mendapat jangkitan kuman



Proses penyembuhan yang lama

Kecederaan pada gigi terutamanya gigi hadapan



Kesihatan mulut terjejas sekiranya kebersihan mulut diabaikan (penyakit gusi, gigi berlubang, nafas berbau)

Apa yang saya perlu beritahu doktor gigi?

1. Anda menghidap sawan
2. Kekerapan dan tahap keterukan sawan
3. Tarikh serangan sawan yang terakhir
4. Ubat yang diambil untuk mengawal sawan
5. Tempat/ klinik dimana rawatan susulan dijalankan (sertakan nama doktor yang merawat dan nombor telefon yang boleh dihubungi sekiranya perlu)
6. Alahan terhadap ubat
7. Masalah perubatan yang lain selain epilepsi
8. Beritahu doktor gigi dengan segera sekiranya anda mengalami sesuatu aura sebelum serangan sawan terjadi



Penting untuk anda memberitahu doktor gigi mengenai penyakit sawan yang dialami supaya langkah berhati-hati boleh diambil dan bersedia sekiranya serangan sawan berlaku di klinik gigi.



Bagaimana saya boleh bersedia sebelum berkunjung ke klinik gigi?

1. Bawa orang lain bersama anda ke klinik gigi
2. Ambil ubat anda sebelum temujanji dengan doktor gigi (sekurang-kurangnya 1 hingga 2 jam sebelum temujanji)
3. Bawa ubat bersama anda ke klinik gigi
4. Pastikan kakitangan di klinik gigi mengetahui masalah yang anda hadapi



KEABNORMALAN TISU KERAS PERGIGIAN DI KALANGAN KANAK-KANAK



DR YEM PUI KEI, DR HAZELL LOVENNEY JAHIRIN, DR NUR HANIM BINTI ABDUL HALIM, DR SACHA AUDRA NG
BANSING, DR NUR SHAHEERAH BINTI RASAMIN



Gigi natal dan neonatal

Gigi natal merujuk kepada gigi yang ada dalam mulut apabila seseorang bayi lahir. **Gigi neonatal** merujuk kepada gigi yang tumbuh dalam 1 bulan pertama selepas lahir. Gigi kacip rahang bawah adalah gigi natal dan neonatal yang kerap di temui di kalangan bayi. Kebiasaannya gigi-gigi ini belum terbentuk sepenuhnya lalu menyebabkan ia longgar serta mudah tertanggal semasa menyusu dan ketidakselesaan semasa menghisap susu ibu, kerana boleh menyebabkan ulser pada lidah bayi dan payudara ibu.



Hypodontia

Hypodontia adalah keadaan kekurangan bilangan gigi dari jumlah yang normal secara semulajadi. **Anodontia** pula adalah keadaan ketiadaan gigi secara semulajadi. Implikasi jangka panjang melibatkan keabnormalan rupa paras, kurang keyakinan diri, kebolehan bertutur dan mengunyah. Kebiasaannya rawatannya adalah menggantikan gigi yang tiada; menggunakan aplian yang boleh tertanggal seperti gigi palsu atau aplian tetap seperti korona, jambatan atau implan.



Gigi berlebihan (supernumerary)

Supernumerari adalah gigi yang lebih dari jumlah yang biasa. Gigi yang berlebihan ini boleh menyebabkan gangguan proses normal pertumbuhan gigi. Jika ditinggalkan di dalam rahang ia juga boleh menyebabkan hakisan pada gigi yang berhampiran atau mengalami pembentukan sista. Cabutan gigi ini adalah disarankan seawal mungkin bergantung kepada bentuk dan kedudukan gigi itu.



Dens invaginatus

Dens invaginatus ialah lekukan bahagian enamel dan dentin yang kelihatan seperti jurang atau alur di permukaan gigi. Biasanya terdapat pada gigi kacip atas. Ini akan menyebabkan kawasan ini sukar untuk dibersihkan dan mudah untuk mengalami kerosakan gigi. Biasanya rawatannya adalah pengapian fisur iaitu menutup lekukan tersebut dengan bahan pergigian



Gigi Kembar

Gigi kembar ialah apabila dua gigi yang bercantum membentuk menjadi satu. Kejadian ini lebih kerap terjadi pada gigi kacip kegigian susu. Jika terjadi pada gigi kekal ini ia akan menyebabkan masalah estetik. Di antara 2 gigi yang bercantum ini akan ada alur yang dalam. Alur antara dua gigi ini mudah menjadi karies dan perlu di tampal dengan awal. Jika ia melibatkan masalah estetik, Doktor Pergigian boleh membaiki supaya kelihatan semula jadi.



Gigi kembar Germinasi (Bercambah)

Germinasi adalah keadaan di mana satu gigi membahagi untuk membentuk dua gigi mengakibatkan saiz gigi menjadi besar, mempunyai satu akar dan satu kanal. Kejadian ini juga sering terjadi pada gigi kacip pada kegigian susu. Di antara 2 gigi yang bercantum ini akan ada alur yang dalam. Alur antara dua gigi ini mudah menjadi karies dan perlu di tampal dengan awal. Jika ia melibatkan masalah estetik, Doktor Pergigian boleh membaiki supaya kelihatan semula jadi.



Dens evaginatus

Dens evaginatus ialah struktur gigi yang tidak normal berupa unjuran yang keluar dari permukaan gigi. Kebiasaannya unjuran ini muncul dari permukaan mengunyah gigi geraham kecil. Keadaan ini di panggil 'gigi geraham leong'. Apabila unjuran ini terdapat di bahagian belakang gigi hadapan ia juga dipanggil **kuspa talon**. Ia kelihatan seperti bonjolan yang tumbuh dari bahagian belakang gigi kacip. Kuspa talon yang besar boleh mengganggu gigitan normal. Masalah akan timbul sekiranya unjuran ini pecah semasa proses pengunyahan harian lalu menyebabkan ketidakvitalan (mati) gigi tersebut akibat terdedah kepada jangkitan pada tisu pulpa. Keadaan ini memerlukan rawatan segera. Rawatan pergigian perlu dijalankan untuk mengelakkan unjuran ini patah dan menyebabkan komplikasi. Doktor pergigian boleh memberikan rawatan pencegahan.






Lawatan Ke Klinik Pergigian Untuk Kanak-Kanak



DR YEM PUI KEI, DR HAZELL LOVENNEY JAHIRIN, DR NUR HANIM BINTI ABDUL HALIM, DR SACHA AUDRA NG BANSING, DR NUR SHAHEERAH BINTI RASAMIN

kebanyakan kanak-kanak takut untuk melawat klinik gigi kerana ada pengalaman yang kurang baik. Antara sebab berlaku demikian adalah kerana kebanyakan mereka ke klinik gigi hanya apabila terdapat sakit, yang memerlukan gigi terpaksa di cabut pada lawatan pertama mereka.

Pengalaman yang kurang baik akan menyebabkan kanak-kanak mengingatnya sehingga alam dewasa. Untuk mengelakkan kejadian sedemikian, kita harus merancang lawatan ke klinik pergigian supaya kanak-kanak mengingatnya sebagai suatu pengalaman yang selamat dan menyeronokkan dan ingin kembali lagi.



Apakah Langkah-Langkah Supaya Ia Membuahkan Hasil?

1. Rancang untuk membuat pemeriksaan awal

Ibubapa seharusnya membawa kanak-kanak untuk membuat pemeriksaan gigi apabila gigi susunya tumbuh atau seawal umurnya 1 tahun. Lawatan awal membolehkan ibubapa membincangkan cara memupuk amalan kesihatan pergigian yang baik untuk anak-anak mereka.

Faedah lain adalah untuk membiasakan kanak-kanak dengan suasana klinik mempunyai kerosakan dan kesakitan gigi dan menolak rawatan.



2. Temujanji Secara Berkala

- Mengawal tumbesaran dan perkembangan oral.
- Mencegah karies dan penyakit gusi.
- Mengawal kendalian diri.

Semasa pemeriksaan gigi secara berkala, jika terdapat sebarang kerosakan gigi yang masih kecil, ia boleh di kesan dan di rawat segera dengan mudah. Kehadiran di klinik gigi secara teratur juga dapat membiasakan kanak-kanak kepada persekitaran klinik serta mengingatkan ibubapa tentang penjagaan gigi yang betul.



3. Maklumat Yang Betul Dari Ibubapa

Sebelum kanak-kanak di bawa untuk pemeriksaan gigi, ibubapa seharusnya memberi penerangan tentang klinik gigi dan maklumat positif tentang rawatan pergigian kepada mereka.





Lawatan Ke Klinik Pergigian Untuk Kanak-Kanak



DR YEM PUI KEI, DR HAZELL LOVENNEY JAHIRIN, DR NUR HANIM BINTI ABDUL HALIM, DR SACHA AUDRA NG BANSING,
DR NUR SHAHEERAH BINTI RASAMIN

Memilih Klinik Yang Sesuai Untuk Dikunjungi

Anggota Yang Peramah & Mesra

Anggota yang bekerja di kaunter perlu ramah terhadap kanak-kanak yang mengunjungi klinik mereka.



Kanak-kanak harus di sambut dengan senyuman mesra dan teguran sapa supaya mereka berasa selamat dan selesa di tempat baru.



Sementara menunggu giliran, seeloknya di adakan sudut bermain kanak-kanak, untuk melukis, mewarna dan membaca. Keadaan begini boleh mengalihkan fokus dan menghiburkan kanak-kanak supaya merasa tenang dan rileks ketika menunggu giliran untuk di rawat.



Persekitaran Bilik Rawatan Yang Mesra Kanak-Kanak


Persekitaran bilik rawatan mestilah mesra kanak-kanak.



Dekorasi yang terang benderang pada pertama kali di lihat akan menghasilkan suasana positif.



Alat-alat perkakas yang di gunakan juga seharusnya disimpan di tempat yang tersembunyi tetapi mudah dicapai bagi mengurangkan ketakutan kanak-kanak apabila melihat alat-alat yang tidak biasa di lihat. Apabila memanggil kanak-kanak ke bilik rawatan, adalah lebih baik ia di jemput sendiri oleh doktor gigi memasuki bilik rawatan diiringi oleh ibubapanya.





Anak Tidak Bekerjasama Semasa Rawatan Pergigian

DR YEM PUI KEI, DR HAZELL LOVENNEY JAHIRIN, DR NUR HANIM BINTI ABDUL HALIM,
DR SACHA AUDRA NG BANSING, DR NUR SHAHEERAH BINTI RASAMIN



Ada sebahagian kanak-kanak amat takut dengan doktor gigi. Maka, doktor gigi boleh mengesyorkan beberapa kaedah bagi menenangkan kanak-kanak tersebut. Kaedah ini boleh terbahagi kepada dua kaedah, iaitu:

- i) Kaedah bukan farmakologi
- ii) Kaedah farmakologi

Dalam artikel edisi ini, mari doktor terangkan berkaitan kaedah farmakologi.

Ada beberapa kaedah farmakologi yang boleh digunakan untuk menangani ketakutan terhadap rawatan pergigian. Kaedah yang biasa digunakan untuk kanak-kanak adalah sedasi sedar dan bius umum.

Sedasi Sedar

Penggunaan sejenis dadah penenang yang diberikan untuk mengurangkan rasa takut serta menenangkan kanak-kanak semasa menerima rawatan pergigian. Semasa sedasi secara sedar ini diberikan, anak anda masih boleh mengekalkan komunikasi lisan sepanjang tempoh sedasi tersebut.

Sedasi inhalasi

Sedasi oral

Sedasi sedar

Sedasi intravena

Sedasi inhalasi



- Kaedah sedasi menggunakan campuran dua jenis gas iaitu oksigen dan nitrous oxide (N₂O), yang disedut melalui alat yang diletakkan di hidung.
- Memberikan rasa ketenangan secara alami.
- Tiada kesan "hangover"
- Tiada suntikan diperlukan
- Sangat selamat dan disingkirkan dari sistem badan dengan cepat
- Elakkan pengambilan makanan berat dan berminyak sebelum mendapatkan rawatan sedasi ini.

- Dalam bentuk pil, tablet atau pun cecair
- Selamat jika mengikut dos yang ditetapkan
- Kurangkan makanan dan minuman beberapa jam sebelum sedasi.

Sedasi oral

Sedasi intravena

- Ubat sedasi dimasukkan ke dalam badan melalui saluran vena sepanjang rawatan pergigian.

- Tahap sedasi yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan sedasi oral dan inhalasi
- Tidak melibatkan penggunaan tiub saluran pernafasan
- Agen berbalik mudah diberikan dan memberi kesan yang serta merta

Bius Umum

- Pesakit berada dalam keadaan tidak sedar dan bebas dari merasa kesakitan.
- Doktor hanya akan mengesyorkan kaedah bius umum untuk rawatan pergigian sekiranya betul-betul perlu.
- Bius umum diberikan oleh Pakar Bius.
- Setelah anak anda tidur apabila diberi ubat bius umum itu, rawatan pergigian akan dilakukan dan anak anda tidak akan mengingati sebarang rawatan apabila dia telah sedar.
- Perlu berpuasa sebelum rawatan



MENGHISAP IBU JARI

DR. YEM PUI KEI, DR. HAZELL LOVENNEY JAHIRIN, DR. NUR HANIM BINTI ABDUL HALIM,
DR. SASCHA AUDRA NG BANSING, DR. NUR SHAHEERAH BINTI RASAMIN

1 SEBAB-SEBAB MENGAPAKAH KANAK-KANAK MENGHISAP JARI:



- **Refleks Menghisap:** Awalnya, refleks menghisap digunakan untuk menyusu. Seiring masa, kanak-kanak mula menikmati sensasi menghisap dan kemudian menghisap jari untuk keseronokan.
- **Menghisap untuk Kenyamanan:** Tabiat menghisap jari memberikan rasa keselesaan dan ketenangan kepada kanak-kanak. Ini dapat membantu mereka merasa selamat, terutama dalam situasi yang asing atau ketika terpisah dari ibu bapa, seperti di tadika.
- **Menenangkan untuk Tidur:** Sesetengah kanak-kanak mengasosiasikan menghisap jari dengan tidur yang nyenyak. Seperti kanak-kanak yang tidak boleh tidur tanpa bantal kesayangan mereka, ada juga yang tidak boleh tidur jika tidak menghisap jari. Tabiat ini memberikan rasa tenang dan mudah untuk tidur.

2 APAKAH KESAN MENGHISAP IBU JARI:



- Kesan buruk tergantung pada kekerapan, tempoh, dan kekuatan daya hisapan.
- Menghisap jari dengan kuat tapi singkat mungkin tidak memberikan kesan yang besar.
- Menghisap perlahan tetapi berpanjangan, terutama sepanjang malam, boleh memberi kesan yang tidak diingini.
- Beberapa kajian menunjukkan daya hisapan sedikit sudah cukup untuk menggerakkan gigi jika dilakukan dalam masa yang lama.

Pengaruh Menghisap Jari Terhadap Occlusion:

- Occlusion adalah hubungan antara gigi atas dan bawah semasa menggigit.
- Occlusion normal melibatkan gigi atas yang menindih gigi bawah kira-kira 2-4 mm, sehingga separuh gigi hadapan bawah kelihatan.
- Menghisap jari secara berpanjangan boleh menyebabkan gigi atas dan bawah menjadi jarang dan tidak menindih.
- Ini boleh menyebabkan masalah pertuturan, terutamanya dalam menyebut huruf 's' dan 'f'.
- Gigi kanak-kanak yang menghisap jari mungkin bergeser ke depan atau ke belakang.
- Menghisap jari boleh menyebabkan pipi menghimpit rahang, yang boleh menyebabkan pengecutan dan pengecilan rahang serta ketidaksempurnaan gigi.
- Kesannya termasuk merosakkan penampilan dan mengurangkan keyakinan diri kanak-kanak.





3

BAGAIMANA TABIAT INI BOLEH DIHENTIKAN?

Berikut adalah beberapa petua untuk membantu anak anda berhenti menghisap ibu jari:



Balutkan ibu jari



Sapukan bahan yang tidak disukai oleh kanak-kanak seperti kuinin atau lada sulah pada ibu jari.



Berikan pujian, ganjaran, dan perhatian apabila anak anda tidak menghisap ibu jari.



Pastikan anak anda sibuk dengan aktiviti seperti menyanyi dan bermain muzik supaya dia lupa untuk menghisap jari.



Libatkan anak anda dengan aktiviti yang melibatkan pergerakan tangan, contohnya alat permainan.



Dapatkan khidmat nasihat pakar sekiranya tabiat ini berterusan sehingga gigi kacip kekal tumbuh (berumur 7-8 tahun).

Penjagaan Mulut Kanak-Kanak Berkeperluan Khas

DR. SASCHA AUDRA NG BANSING, DR. NUR SHAHEERAH BINTI RASAMIN, DR. HAZELL LOVENNEY JAHIRIN, DR. NUR HANIM BINTI ABDUL HALIM, DR YEM PUI KEI

Kanak-kanak istimewa ialah kanak-kanak yang memerlukan penjagaan khusus kerana mempunyai masalah fizikal, mental atau pun perubahan. Golongan ini juga memerlukan penjagaan kesihatan pergigian sebagaimana rakan sebaya mereka yang sihat dan seperti mereka memerlukan penjagaan kesihatan yang lain.

Kanak-kanak istimewa memerlukan penjagaan gigi khusus kerana:

- Mereka mudah dan berisiko tinggi untuk mengidap penyakit pergigian kerana tidak berupaya menjaga kebersihan mulut sendiri.
- Rawatan gigi mungkin sukar dilakukan dan memerlukan lebih masa bagi merawat mereka
- Pengubahsuaian dalam rawatan diperlukan mengikut keadaan fizikal mereka
- Penyakit pergigian dan rawatannya boleh membawa risiko kepada nyawa mereka.

Oleh yang demikian pencegahan dari masalah oral dan pergigian perlu diutamakan dalam golongan ini bagi mengelakkan dari berlakunya perkara di atas.

Masalah pergigian yang biasa di hadapi oleh kanak-kanak istimewa adalah seperti berikut :

1. Kerosakan gigi

- Kanak-kanak berkeperluan khas lebih mudah mengalami kerosakan gigi di sebabkan tidak bekerjasama dan mempunyai kesukaran untuk menggosok gigi atau juga perlu mengambil ubat ubatan yang manis dalam tempoh jangka panjang.

2. Masalah Gusi

- Masalah gusi kerap dialami di kalangan mereka yang kurang menjaga kebersihan mulut menyebabkan plak dan karang gigi mudah terkumpul di mulut. Keadaan sedemikian mengakibatkan gusi merah dan mudah berdarah. Setengah golongan seperti kanak-kanak Sindrom Down sering mengalami masalah seperti ini.

3. Anomali gigi dan kecacatan pembentukan gigi

- Anomali gigi bermaksud variasi dalam saiz, bentuk, struktur dan bilangan gigi. Kanak-kanak berkeperluan khas di dapati mengalami lebih banyak anomali gigi disebabkan sesuatu sindrom yang mereka alami.

4. Tingkah laku atau aktiviti tidak normal

- Bruxism atau mengunyah gigi berterusan adalah sesuatu yang kerap berlaku di kalangan kanak-kanak bermasalah cerebral palsy. Tingkah laku sedemikian adalah berpunca dari koordinasi otot mulut yang tidak baik. Ia mengakibatkan permukaan gigi menjadi haus/ rata.
- mencederakan diri sendiri – seperti menggigit bibir, mencabut gigi sendiri adalah tingkah laku yang sering di hadapi kanak-kanak cerebral palsy yang kurang daya fikiran. Jika keadaan sedemikian berlaku, kanak-kanak itu perlu di rujuk kepada doktor gigi.

5. Trauma gigi

- Trauma atau kecederaan pada muka dan mulut kerap berlaku kepada kanak-kanak yang kurang daya pemikiran, kerap mendapat sawan dan bermasalah koordinasi otot.



Langkah langkah pencegahan pergigian

Pencegahan dari masalah pergigian di kalangan kanak-kanak berkeperluan khas mesti lebih di utamakan berbanding dengan rakan sebaya yang normal. Perkara yang perlu di tekankan adalah seperti berikut :

- Memberus gigi menggunakan ubat gigi berfluorida sekurang-kurangnya 2 kali sehari
- Berus gigi elektrik / bateri, berus super dan berus gigi dengan pemegang yang diubahsuai dapat membantu penjagaan pergigian
- Gunakan kuantiti ubat gigi yang minima sahaja untuk mengelakkan rasa tercekik/ loya. Pemicitan ubat gigi ke berus gigi harus di kawal oleh ibubapa atau penjaga
- Tidak perlu berkumur selepas berus gigi – memadai sapukan buih berlebihan menggunakan tuala bersih
- Memberus gigi boleh dilakukan di atas sofa, di pangkuan penjaga atau di tilam, jika sukar membawa mereka ke bilik air
- Berkumur kumur setiap kali lepas makan
- Banyakkan minum air masak selepas makan
- Bersihkan mulut dan gigi menggunakan tuala pada keadaan yang sukar menggunakan berus gigi
- Pengambilan makanan seimbang yang kurang kandungan gula
- Kawalkan pengambilan makanan dan minuman yang manis
- Ajarkan makanan yang sihat – seperti buah-buahan dan sayuran
- Makanan yang melekat dan manis seperti karamel dan biskut – sukar untuk dibersihkan dan perlu di kurangkan
- Pemeriksaan awal membolehkan masalah pergigian di kenalpasti dengan lebih awal dan mengelakkan rawatan yang lebih kompleks.
- Kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan rawatan berkala yang lebih kerap dari rakan sebaya yang normal. Mereka di nasehatkan melawat klinik gigi sebanyak 3 ke 4 setahun.
- Dalam lawatan-lawatan berikut doktor gigi akan dapat melakukan rawatan aplikasi fluorida pada gigi bagi mengurangkan karies dan prosedur fisur sealan (menutup alur di permukaan atas gigi) sebelum ia berkaries



Memberus gigi dalam keadaan berbaring di tilam



Berus gigi super

Bagaimanakah rawatan pergigian dapat dijalankan untuk kanak-kanak istimewa?

- Sebahagian besar kanak-kanak ini dapat di rawat seperti kanak-kanak lain
- Kekangan fizikal (seperti memegang anggota badan) kadangkala diperlukan untuk mengelakkan kecederaan kepada pesakit dan perawat
- Ubat ubat sedatif untuk menenangkan mereka kadangkala dapat membantu
- Sebahagian kanak-kanak ini perlu dirawat menggunakan bius am jika mereka tidak dapat bekerjasama dengan perawat ataupun jika rawatan kompleks diperlukan

Rujukan:

1. Portal MYHEALTH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA- Penjagaan Mulut Kanak-Kanak Berkeperluan Khas, 2012, by Dr. Laila by. Abdul Jalil, retrieved from <https://hellosehat.com/gigi-mulut/gigi/gigi-retak/>



Rawatan Pergigian Di Bawah Bius Umum

Oleh Dr Emily Tan Hui-Ping, Dr Mimi Lilian Hee

Dalam dunia pergigian, terdapat situasi di mana rawatan di bawah anestesia umum atau bius umum menjadi pilihan yang diperlukan. Ini sering berlaku apabila kanak-kanak mempunyai keadaan pergigian yang kompleks atau tidak dapat dirawat secara berkesan menggunakan kaedah tradisional. Rawatan pergigian di bawah anestesia umum bukan sahaja memberikan penyelesaian yang selamat, tetapi juga memastikan keselesaan dan keberkesanan rawatan.

Keperluan Rawatan Pergigian di Bawah Anestesia Umum

Ada beberapa sebab mengapa kanak-kanak mungkin memerlukan rawatan pergigian di bawah anestesia umum:

- 1. Kemampuan Kanak-Kanak yang Terhad:** Kanak-kanak yang mungkin tidak dapat bekerjasama dengan pengamal pergigian kerana usia mereka yang muda atau masalah pembangunan.
- 2. Rawatan yang Kompleks:** Keadaan pergigian yang rumit seperti kerosakan teruk akibat kecederaan atau kecacatan genetik mungkin memerlukan rawatan yang intensif.
- 3. Ketakutan yang Teruk:** Kanak-kanak dengan fobia pergigian atau pengalaman yang buruk dalam rawatan sebelum ini mungkin memerlukan anestesia umum untuk menjalani rawatan tanpa rasa takut.

4. Keselamatan dan Keselesaan: Dalam beberapa kes, rawatan di bawah anestesia umum adalah pilihan terbaik untuk memastikan keselamatan dan keselesaan kanak-kanak semasa rawatan.

Proses Rawatan di Bawah Anestesia Umum

Sebelum prosedur, kanak-kanak dan ibu bapa akan diberikan arahan yang jelas oleh pasukan kesihatan pergigian. Ini mungkin termasuk arahan diet dan peraturan untuk pengambilan cecair sebelum prosedur. Doktor anesthesiologi akan menilai kesihatan keseluruhan kanak-kanak sebelum memberikan anestesia.

Proses rawatan sendiri dilakukan dalam persekitaran hospital atau klinik yang dilengkapi dengan fasiliti anestesia yang sesuai. Kanak-kanak akan dibawa ke dalam bilik pembedahan, di mana anestesia umum akan diberikan oleh seorang pakar anesthesiologi yang berkelayakan. Selepas kanak-kanak dalam keadaan tidur, pakar pergigian akan memulakan rawatan yang diperlukan.





Kelebihan Rawatan Pergigian di Bawah Anestesia Umum

1. **Keselesaan dan Kesejahteraan:** Kanak-kanak tidak akan mengalami rasa sakit atau kegelisahan semasa prosedur, menjadikan pengalaman pergigian yang lebih positif.
2. **Keselamatan:** Proses dijalankan di bawah pemantauan ketat oleh pasukan kesihatan, memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak sepanjang rawatan.
3. **Keberkesanan:** Dengan kanak-kanak dalam keadaan tidur, doktor pergigian dapat melakukan rawatan dengan lebih terperinci dan cermat, meningkatkan keberkesanan rawatan jangka panjang.
4. **Pemulihan yang Pantas:** Kanak-kanak biasanya cepat pulih selepas prosedur dan dapat kembali ke aktiviti harian mereka dalam masa yang singkat.



Penutup



Rawatan pergigian di bawah anestesia umum adalah pilihan yang penting dan berkesan untuk beberapa kanak-kanak yang memerlukan penjagaan pergigian yang khusus. Dengan memastikan keselamatan, keselesaan, dan keberkesanan rawatan, ia membantu memastikan bahawa kanak-kanak dapat menikmati kehidupan yang sihat dengan senyuman yang ceria. Oleh itu, penting untuk berunding dengan pakar kesihatan pergigian untuk menentukan sama ada rawatan ini sesuai untuk kanak-kanak anda.

PENGURUSAN PEMBETULAN MALOKLUSI : ORTODONTIK INTERSEPTIF / PINTASAN

DR EMILY TAN HUI PING, DR MIMIELILIAN HEE



APA ITU ORTODONTIK INTERSEPTIF?

Ortodontik interseptif ialah prosedur rawatan yang boleh menghapuskan pembentukan maloklusi atau mengurangkan keterukan maloklusi yang sedang membentuk. Diagnosis dan pencegahan awal sesetengah ciri maloklusi pada kanak-kanak yang sedang membesar dapat membantu mengurangkan keterukan maloklusi yang akan terbentuk. Pakar ortodontik dan doktor pergigian merawat kes interseptif dengan alat/aplians boleh tanggal atau aplians tetap ringkas (simple fixed appliance)

BILAKAH MASA YANG PALING SESUAI UNTUK MELAKSANAKAN ORTODONTIK INTERSEPTIF?

Ortodontik interseptif biasanya dilakukan di peringkat kegigian campuran (Lihat Jadual 1 di bawah)

PERINGKAT KEGIGIAN	PEMBENTUKAN OKLUSI NORMAL	
KEGIGIAN DESIDUS (3-6 TAHUN)	Menjelang umur 3 tahun, seorang kanak-kanak akan mempunyai <u>20 batang gigi desidus/susu</u> di dalam mulut. Gigi desidus yang sihat memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan dimensi tulang arkus semasa pertumbuhan gigi kekal. Ortodontik interseptif jarang dilakukan di peringkat kegigian desidus.	
KEGIGIAN CAMPURAN (6-12 tahun)	Fasa kegigian campuran bermula dengan pertumbuhan gigi geraham kekal pertama di rahang bawah iaitu dalam lingkungan umur 6 tahun. Gigi insisor/kacip kekal pula akan tumbuh semasa umur 7 hingga 8 tahun. Ini diikuti oleh gigi pramolar dan gigi kanin/taring kekal pada usia 9 hingga 11 tahun dan gigi geraham kekal kedua pada usia 12 tahun. Ortodontik interseptif biasanya dimulakan di peringkat kegigian campuran.	
KEGIGIAN KEKAL (> 12 TAHUN)	Pada usia 12 hingga 13 tahun, gigi geraham kekal kedua telah tumbuh dan semua gigi desidus telah tanggal. Biasanya gigi geraham kekal ketiga/geraham bongsu akan tumbuh pada usia 18-21 tahun. Peringkat akhir kegigian campuran dan awal kegigian kekal merupakan waktu yang paling sesuai untuk <u>merawat permasalahan hubungan rahang dengan kaedah rawatan 'modifikasi tumbesaran'</u> menggunakan alat fungsi. Di peringkat ini seseorang pesakit akan melalui fasa akhir baligh dimana terdapat potensi tumbesaran yang pesat (11 hingga 14 tahun).	

Rujukan

Popovich, F. & Thompson, G.W. (1975). Evaluation of preventive and interceptive orthodontic treatment between 3 and 18 years of age. Transactions of Third International Congress of Orthodontics, 26-33. Dugoni, S.A. (1998). Comprehensive mixed dentition treatment. Am J Orthod Dentofacial Orthop, 113, 75-84. Dr. Zainatul Akmar bt. Khalil, (2020). Pengurusan Pembetulan Maloklusi : Ortodontik Interseptif / Pintasan (Portal MyHealth. <http://www.myhealth.gov.my/pengurusan-pembetulan-maloklusi-ortodontik-interseptif-pintasan/>)

APAKAH JENIS RAWATAN ORTODONTIK INTERSEPTIF YANG SERING DILAKUKAN ?

A. Rawatan Gigitan Silang Anterior

Gigitan silang anterior berlaku apabila satu atau dua batang gigi insisor kekal atas menggigit di belakang gigi insisor kekal bawah. Rawatan pintasan awal disyorkan (7 hingga 10 tahun)



Sebelum rawatan



Rawatan appliances tanggal



Selepas rawatan

B. Pengurusan Ruang Dengan Alat Penyelenggara Ruang (Space Maintainer) Berikutan Kehilangan Awal Gigi

Alat penyelenggara ruang (Space maintainer) adalah appliances intra oral yang digunakan untuk menyelenggara ruang, biasanya selepas kehilangan awal gigi desidus molar bawah. Kehilangan awal gigi molar desidus kedua di rahang atas atau bawah menggalakkan gigi geraham kekal pertama bergerak ke depan menyebabkan kesesakan di bahagian pramolar. Alat penyelenggara ruang seperti Lingual arch atau Band and Loop boleh digunakan sebagai langkah pencegahan. Kehilangan ruang akan berlaku dengan cepat dalam masa 3 bulan pertama dan seterusnya berkurangan sehingga 9 bulan berikutnya.



LINGUAL ARCH : UNTUK MENGEKALKAN RUANG

C. Saringan untuk Mengesan Gigi Kanin/Taring Kekal yang Teranjak/Ektopik ke Arah Palatal/Lelangit

Gigi kanin/taring atas adalah gigi kekal yang paling kerap terimpak selepas gigi geraham bongsu bawah. Kekerapan gigi kanin terganjak ke arah palatal/lelangit adalah dua kali ganda lebih kerap berbanding ke arah pipi. Diagnosis awal dan pengendalian yang berkesan adalah penting kerana kegagalan berbuat demikian boleh merumitkan rawatan di masa akan datang.

D. Rawatan untuk Masalah Setempat (Lokal)

Kegagalan Gigi Kekal Tumbuh / Lewat

Kanak-kanak mungkin hadir dengan gigi kekal yang lewat tumbuh atau tidak tumbuh sama sekali (semua gigi insisor sepatutnya tumbuh dalam lingkungan umur 9 tahun). Pengerupan gigi yang tidak simetrik perlu dipantau dan penyiasatan yang menyeluruh adalah wajar. Sinaran X seperti Orthopantomogram (OPG) atau Anterior occlusal sesuai diambil untuk mengenalpasti penyebab masalah. Cabutan gigi supernumerari (gigi lebihan) adalah disyorkan

Gigi Desidus Lewat Exfoliat/Tanggal

Siasatan lanjut adalah perlu bagi gigi desidus yang gagal untuk tanggal lebih daripada 6 bulan selepas pertumbuhan gigi kekal kontra lateral. Dengan syarat gigi kekal yang bakal menggantinya hadir, gigi desidus yang gagal eksfoliat perlu dicabut jika mereka menyebabkan pemasangan gigi kekal

Tabiat Menghisap Jari atau Puting Susu

Tabiat menghisap ibu jari atau puting susu boleh menyebabkan gigitan terbuka di bahagian hadapan. Jika dikenal pasti pada peringkat awal, pencegahan berbentuk pasif harus dijalankan untuk menghentikan tabiat tersebut. Jika ini gagal, alat hentikan tabiat (habit breaker) adalah disyorkan. Gigitan terbuka biasanya pulih dengan sendirinya jika dipintas awal sebelum pertumbuhan gigi insisor kekal.



Alat untuk berhenti tabiat

KLINIK PERGIGIAN KENINGAU

☎ 087 331 021

✉ kpkeningau@moh.gov.my

KLINIK PERGIGIAN UTC KENINGAU

☎ 087 338 591

✉ kputc.keningau@moh.gov.my

KLINIK PERGIGIAN TAMBUNAN

☎ 087 773 070

✉ sbh.kptambunan@moh.gov.my

KLINIK PERGIGIAN TENOM

☎ 087 733 251

✉ sbh.kptenom@moh.gov.my

KLINIK PERGIGIAN SOOK

☎ 087 364 006

✉ sbh.kpsook@moh.gov.my

KLINIK PERGIGIAN MESRA PROMOSI NABAWAN

☎ 087 366 028

✉ sbh.kpnabawan@moh.gov.my

PAKAR BEDAH MULUT DAN MAKSILOFASIAL

☎ 087 313 000 EXT 4121

✉ omfskgu@gmail.com

PAKAR PERGIGIAN PEDIATRIK

☎ 087 313 000 EXT 4124

✉ paeddent.kgu@moh.gov.my

PAKAR PERGIGIAN ORTHODONTIK

☎ 087 331 021 EXT 205

✉ ortho.kgu@moh.gov.my

PAKAR PERGIGIAN RESTORATIF

☎ 087 331 021 EXT 204

✉ resto.kgu@moh.gov.my



eBULETIN APRIL-JUN 2024

DITERBITKAN OLEH:

Pejabat Kesihatan Pergigian Kawasan Keningau,

Jalan Hospital Lama, 89008 Keningau, Sabah,
Malaysia

EMEL:

ppk.keningau@moh.gov.my